

Ukraine diharap

UM 15 JUL 2003

KIEV, UKRAINE 14 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap Ukraine akan dapat bertindak sebagai sebuah pusat pengedaran utama minyak sawit Malaysia dan lain-lain hasil keluaran negara ke pasaran dunia sebelah sini.

Dr. Mahathir berkata, kedudukan Ukraine yang begitu strategik di persimpangan benua Eropah dan Asia menjadikannya sebagai sebuah negara yang amat menarik untuk tujuan itu.

Berucap pada majlis jamuan makan malam negara yang diberikan oleh Presiden Leonid D. Kuchma bagi meraikan kunjungan beliau di sini malam ini, Perdana Menteri sebaliknya menawarkan Malaysia sebagai tapak

loncatan bagi hasil-hasil keluaran Ukraine ke pasaran di rantau Asia Tenggara.

“Melalui Malaysia, Ukraine akan mempunyai satu pintu masuk yang terbuka luas ke negara-negara anggota ASEAN dan lain-lain negara di rantau Asia Tenggara. Tambahan pula, dengan terlaksananya AFTA menjelang 2004 nanti, satu pasaran melebihi 500 juta manusia akan terbuka untuk anda menerusi Malaysia,” ujar beliau.

Dr. Mahathir juga melahirkan penghargaan Malaysia kerana kesudian Ukraine membuka pintu akademiknya kepada para pelajar Malaysia.

Buat masa ini terdapat ramai pelajar Malaysia sedang mengikuti pelbagai jurusan pengajian di Ukraine, terutama sekali dalam bidang perubatan dan kejuruteraan.

jadi pusat edar hasil kita

“Di Crimea sahaja sekarang ini terdapat lebih 500 orang pelajar Malaysia dan demikian juga sebaliknya, para pelajar Ukraine juga adalah dialu-alukan untuk mengikuti pengajian di Malaysia,” kata beliau.

Beliau menegaskan, sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan, Malaysia mampu menawarkan pelbagai bidang pengajian yang menarik bagi membantu ke arah merapatkan lagi persefahaman dan persahabatan antara rakyat kedua negara.

Menurut Dr. Mahathir, Ukraine adalah sebuah negara yang agak luar biasa. Kekuatannya terletak kepada rakyat sendiri yang memiliki kemahiran, bakat dan kesungguhan dalam bidang sains, perubatan dan penerbangan yang menjadi keinginan banyak negara lain.

“Negara anda sejak lebih sepuluh tahun mencapai kemerdekaan, telah lahir sebagai negara simbol kemegahan, Ukraine boleh berdiri megah kerana telah berjaya membebaskan diri daripada komunisme untuk memasuki sistem pasaran bebas yang demokratik,” ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, ekonomi Ukraine kini sedang berkembang dengan pesatnya dan keazamannya untuk menghadapi cabaran-cabaran secara berdepan telah membawanya menikmati hasil-hasil manfaat daripada dasar-dasar yang memandang jauh ke depan itu.

Beliau gembira kerana hubungan perdagangannya dengan Malaysia telah menunjukkan trend yang positif walaupun beliau

merasakan banyak lagi yang perlu dilakukan untuk mencapai sepenuhnya potensi yang terbuka luas.

“Kerana menyedari hakikat inilah saya membawa bersama dalam rombongan ahli-ahli perniagaan dan para usahawan Malaysia untuk merebut peluang menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan rakan-rakan di sini, suatu jalinan peribadi yang amat penting dalam menentukan kejayaan sesuatu bisnes,” kata beliau.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri menggesa para peniaga dan usahawan kedua-dua negara meningkatkan lagi hubungan masing-masing dengan menyertai pameran-pameran perdagangan dan bertukar-tukar fikiran dan idea melalui dialog dan seminar. —Utusan